



## SYARAT-SYARAT PAPAN IKLAN

1. Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana bahasa lain. UUKI 3 (1)
2. Penggunaan Bahasa Kebangsaan hendaklah berukuran 30% lebih besar, diutamakan dari segi kedudukan dan ditunjukkan/dipamerkan dengan lebih jelas dari segi visual berbanding bahasa-bahasa lain. UUKI 3 (2)
3. Penggunaan Bahasa Kebangsaan hendaklah dengan ejaan dan nahu yang betul.
4. Jika perniagaan bukan didaftarkan dalam Bahasa Kebangsaan, ia tidak perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, iklan tersebut hendaklah menyatakan aktivitinya di dalam Bahasa Kebangsaan.
5. Sila catatkan nombor rujukan kelulusan iklan di penjuru bawah sebelah kanan papan iklan.
6. **DILARANG** mempamerkan papan iklan yang boleh menutup atau menghalang mana-mana tingkap atau ruang keluar udara / asap di tembok luar (dinding) bangunan.
7. **DILARANG** meletakkan tanda "HALAL" atau "DITANGGUNG HALAL" di mana-mana tingkap ruang papan iklan yang dipamerkan kecuali diluluskan oleh majlis dan Jabatan Agama Islam Selangor / JAKIM.
8. **DILARANG** meletakkan gambar atau perkataan, lambang atau jenama berkaitan dengan minuman bir, arak atau perkataan yang difikirkan tidak sopan.
9. Bertanggungjawab sebarang struktur iklan yang dibina di mana-mana bahagian dinding atau di atas bumbung bangunan, diperakukan kekukuhannya oleh mana-mana Arkitek atau Jurutera berdaftar serta dilindungi insuran.

**CONTOH LAKARAN VISUAL IKLAN**



**PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran  
Majlis Daerah Kuala Langat